

30 MAR 2002

Samsudin-Rasuah (Bergambar)

KSN MINTA SEKTOR AWAM PERKEMAS PROSEDUR KERJA UNTUK ELAK RASUAH

PUTRAJAYA, 30 Mac (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsuddin Osman meminta sektor perkhidmatan awam peringkat negeri menubuhkan jawatankuasa khas mengenai keutuhan pengurusan bagi memantau masalah rasuah di kalangan kakitangan awam.

Setakat ini jawatankuasa itu hanya wujud di peringkat Kabinet dan jabatan-jabatan awam peringkat persekutuan.

"Kita telah ada jawatankuasa kabinet mengenai keutuhan pengurusan yang ditubuhkan untuk meningkatkan keutuhan dalam perkhidmatan awam. Tapi kita juga berharap jawatankuasa serupa diwujudkan di peringkat negeri," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan Buku Panduan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) 2002 di sini, hari ini.

Samsudin menerima buku panduan JPA 2002 itu daripada Ketua Pengarah JPA Datuk Seri Jamaluddin Ahmad Damanhuri sempena "Sehari JPA bersama Pelanggan".

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada majlis dialog dengan kakitangan kerajaan di Selangor semalam, yang meminta kakitangan awam menerapkan amalan bebas rasuah dalam tugas harian bagi memastikan jentera pentadbiran berjalan lancar.

Samsudin berkata matlamat utama penubuhan jawatankuasa itu adalah untuk meningkatkan keutuhan kerja kakitangan awam menerusi penelitian semula prosedur kerja dan peraturan untuk kemudahan orang ramai.

Selain itu katanya, ketua-ketua jabatan juga perlu mengadakan ceramah dan seminar secara berterusan bagi menjelaskan penerapan nilai-nilai murni di kalangan kakitangannya.

Terdahulu, pada majlis itu inisiatif JPA untuk mengeluarkan buku-buku panduan dan prosedur perkhidmatan oleh JPA merupakan contoh terbaik dalam mengamalkan keutuhan dalam perkhidmatan awam.

Buku Panduan JPA 2002 itu diberikan secara percuma kepada pelanggan yang mengunjungi program bulanan "JPA Bersama Pelanggan" pada Sabtu terakhir setiap bulan.

Edisi pertama buku itu mengandungi 33 siri panduan dan prosedur perkhidmatan JPA termasuk Panduan Menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Awam, Panduan Perakuan Tindakan Tatatertib, Panduan Biasiswa dalam dan Luar Negeri JPA, Panduan Pembayaran Balik Pinjaman JPA dan Panduan Urusan Kenaikan Pangkat dan Pemangkuan.

-- BERNAMA

SNS AZZ NAK